

14 OCT 2000

Mahathir-PPP

BN SEDIA BERI PERTIMBANGAN WAJAR PERMINTAAN KERUSI OLEH PPP

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan cuba memberi pertimbangan sewajarnya kepada permintaan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) untuk mendapatkan kerusi bagi ditandingi pada pilihan raya umum.

Perdana Menteri berkata beliau akan menimbang desakan-desakan yang dibuat PPP, satu daripada 14 parti komponen BN, yang tinggi dan tidak pernah luntur semangat juangnya walaupun sudah lama tidak menganggotai peringkat tertinggi kerajaan atau pun bertanding sebagai calon BN.

"Saya amat sedar bahawa PPP telah bekerja keras semasa pilihan raya umum dan pilihan raya kecil... ini dihargai oleh BN," katanya ketika merasmikan perhimpunan agung PPP ke-47 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Sebagai mengulas permintaan Presiden PPP Datuk M. Kayveas dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata adalah wajar bagi BN menimbang tuntutan PPP untuk mendapatkan kerusi.

Dr Mahathir, yang banyak kali diberikan tepukan gemuruh oleh kira-kira 4,000 perwakilan dan pemerhati yang hadir, berkata BN merakamkan penghargaan kepada semua anggota PPP yang berjuang untuk memenuhi aspirasi dan cita-cita BN.

"Walaupun PPP nampak kecil... tapi kini tidak kecil lagi... tidak ada sesiapa yang dapat menafikan peranan dan usaha gigih yang dimainkan semua ahli PPP dan tidak ada mana-mana pihak yang dapat menafikan kedudukan parti PPP sebagai satu komponen penting dalam BN," katanya.

Beliau berkata dalam BN semua parti komponen berada pada taraf yang sama, tidak kira ianya mempunyai anggota yang ramai atau tidak, kecil atau besar asalkan matlamat perjuangan parti sebagai komponen BN mestilah diutamakan.

"Tidak timbul soal mana-mana parti komponen diketepikan hanya kerana ianya tidak mempunyai perwakilan di peringkat tertinggi kerajaan atau pun di peringkat Dewan Undangan Negeri atau Parlimen," katanya.

Semasa menjawab soalan pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat membuat keputusan secara sendiri mengenai peruntukan kerusi bagi PPP dan perlu melakukan "sedikit tawar menawar dan akan cuba memikirkan sesuatu".

Katanya BN juga tidak boleh semata-mata mewujudkan kerusi parlimen hanya untuk PPP tetapi boleh mengkaji persempadanan semula kawasan "tetapi itu juga belum difikirkan lagi."

Sementara itu Kayveas antara lain berkata PPP, yang selama ini bekerja keras untuk kemenangan BN, sehingga kini masih menunggu pengiktirafan oleh BN melalui pengagihan kerusi pilihan raya.

Menurut Kayveas, tanpa kerusi untuk ditandingi seperti yang diagihkan kepada parti komponen lain, PPP seumpama seorang warganegara tetapi statusnya masih penduduk tetap dan sebagai parti komponen PPP, berhak mendapat kembali kerusi-kerusi yang pernah dimenangnya suatu masa dahulu.

Katanya PPP yang mempunyai 110 bahagian yang aktif di sembilan buah negeri dengan keanggotaan seramai 300,000 orang, sedang mengenal pasti kerusi-kerusi yang sesuai ditandinginya dan akan mengemukakan permohonan kepada pucuk pimpinan BN tidak lama lagi.

Dalam ucapan panjang lebarnya yang menyentuh ekonomi, politik dan pendidikan, beliau meminta kerajaan supaya menitikberatkan pendidikan teknologi maklumat (IT) di sekolah supaya Malaysia suatu masa nanti tidak

perlu mengharap kepada kepakaran luar dalam bidang itu.

Beliau juga meminta kerajaan menyediakan insentif khas dalam belanjawan akan datang bagi menarik kembali warga Malaysia yang kini berkhidmat dalam pelbagai bidang IT di luar negara.

Pada majlis itu Dr Mahathir turut melancarkan logo baru PPP yang berupa bintang lima penjuru dalam lima warna bertindih dilingkungi bulatan emas dan tulisan merah PPP.

Antara kenamaan yang turut hadir ialah Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat dan wakail-wakil parti komponen BN yang lain.

-- BERNAMA

MNY ES RON